

Pertandingan
KUIZ
KENEGARAAN
PERINGKAT KEBANGSAAN 1995

DI DEWAN BANDARAN IPOH,
IPOH, PERAK.
PADA 12-15 NOVEMBER 1995

APB 739737

NASKHAB PEVELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

29 FEB 1996

ISBN 983-54-0018-0


Diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan,
Abas bin Salleh, K.M.N., Ketua Pengarah Perkhidmatan Penerangan Malaysia.
B 29 (B.M.) November 1995 (001). Dicitak oleh Harian (Zulfadzli) Sdn. Bhd.

Sekapur Sirih

SALAH SATU MATLAMAT yang ingin dicapai melalui Wawasan 2020 ialah masyarakat yang saintifik, progresif, maju, mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, kecekapan dan kemahiran di dalam pelbagai bidang. Dalam hal ini, satu perkara yang harus ditekankan untuk melahirkan masyarakat yang progresif dan saintifik ialah masyarakat yang berilmu. Tanpa dilengkapi ilmu pengetahuan yang cukup kepada anggota masyarakat, tidak mungkin masyarakat itu akan sampai ke tahap yang tinggi, cemerlang dan berjaya menjadi masyarakat yang benar-benar maju.

Oleh yang demikian kita sebagai satu bangsa, haruslah meningkatkan daya intelektual dengan sebaik-baiknya. Menuntut ilmu adalah satu proses seumur hidup yang berterusan. Dalam menuju hasrat untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan seterusnya mewujudkan satu masyarakat yang progresif dan saintifik, Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia telah menjadikan Kuiz Kenegaraan sebagai salah satu aktiviti tahunan. Di samping meningkatkan pengetahuan dan kefahaman di kalangan rakyat mengenai dasar-dasar kerajaan, isu-isu semasa negara, Kuiz Kenegaraan juga dapat mendedahkan masyarakat kepada bahan-bahan yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.

Sejak dilaksanakan, pertandingan ini terus mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutama di peringkat negeri. Peserta-pesertanya pula terdiri daripada



pelbagai golongan iaitu pelajar, guru hinggalah golongan profesional. Pada tahun ini Pertandingan Kuiz Kenegaraan telah diadakan bersempena dengan sambutan Ulangtahun Ke-50 penubuhan Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia dengan tema sambutan "50 Tahun Penuh Iltizam, Penerangan Berkesan Pengerak Wawasan".

Piala yang menjadi rebutan kepada setiap pasukan ialah Piala Pusingan Setia Bistari. Di samping Piala Pusingan itu, hadiah iringan dan sijil penyertaan juga akan diberikan sebagai tanda ingatan kepada para pemenang.



Kata-kata Aluan Menteri Besar Perak



SAYA mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia dan seluruh anggotanya yang telah memberikan penghormatan kepada Negeri Perak Darul Ridzuan menjadi tuan rumah kepada Pertandingan Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1995, di Ipoh pada tahun ini.

Saya mengucapkan "Selamat Datang" kepada semua peserta, penyokong pasukan dan rombongan Lawatan Sambil Belajar ke Negeri Perak Darul Ridzuan. Ambillah peluang dan kesempatan ini untuk mengenali Negeri Perak secara lebih dekat lagi dengan melawat ke tempat-tempat bersejarah, pelancongan, di samping mengenali kebudayaan dan adat resam masyarakat Perak.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada Jabatan Perkhidmatan Penerangan yang telah menyambut Ulangtahun ke-50 pada tahun ini. Saya percaya dan yakin, banyak lagi khidmat bakti yang akan dicurahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan sejajar dengan tema sambutan "50 Tahun Penuh Iltizam, Penerangan Berkesan Penggerak Wawasan".

Selamat Bertanding dan Selamat Maju Jaya.

TAN SRI DATO' SERI RAMLI BIN NGAH TALIB,
P.S.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P.



Kata-kata Aluan Pengerusi Jawatankuasa Induk Pertandingan Kuiz Peringkat Kebangsaan 1995



SAYA amat berbesar hati dan berasa bangga kerana kita dapat menganjurkan Pertandingan Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1995 dan saya mengucapkan terima kasih kerana Negeri Perak menjadi tuan rumah pada tahun ini.


Bagi pihak Jawatankuasa Induk Pertandingan Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1995 saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Ramli bin Ngah Talib, Menteri Besar Perak, kerana sudi melakukan Majlis Perasmian dan seterusnya menyampaikan hadiah Pertandingan Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1995.

Pertandingan Kuiz Kenegaraan mula dilaksanakan oleh Jabatan sejak tiga tahun yang lalu dan telah menjadi kegiatan tahunan Jabatan ini. Pertandingan ini telah mendapat sambutan yang amat baik di kalangan rakyat khususnya di kalangan belia. Ini terbukti dengan penyertaan berbagai

lapisan masyarakat yang bermula dari peringkat daerah.

Kejayaan kegiatan ini dapat mempercepatkan lagi proses pencapaian matlamat dan objektif Jabatan iaitu menjadikan masyarakat di negara ini masyarakat yang bermaklumat. Kuiz Kenegaraan adalah salah satu daripada pelbagai kaedah dan pendekatan komunikasi bersemuka yang digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan dalam usaha menerangkan dasar-dasar kerajaan kepada segenap lapisan rakyat di negara ini.

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Pertandingan Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1995, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pertandingan ini.


YU AM PING

Objektif Pertandingan

- ❖ Menanam semangat cintakan negara dan bangga menjadi rakyat Malaysia.
- ❖ Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman di kalangan rakyat mengenai dasar-dasar kerajaan, isu-isu semasa negara, sejarah perjuangan dan pembangunan negara.
- ❖ Meningkatkan imej dan kewibawaan kerajaan di kalangan orang ramai.
- ❖ Mendedahkan masyarakat kepada bahan-bahan yang sedia ada di Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.
- ❖ Meningkatkan lagi kegemaran membaca dan mencari maklumat di kalangan masyarakat.

50 Tahun Penuh Iltizam Penerangan Berkesan Penggerak Wawasan

BERMULA dengan nama Jabatan Publisiti dan Percetakan (September 1945), Jabatan Perhubungan Raya (April 1946) kemudiannya ditukar kepada Jabatan Penerangan Malaysia dan kini Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, Jabatan ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan yang ditubuhkan sejak tahun 1961.

Secara rasminya Jabatan ini telah ditubuhkan pada 24 September 1945 dengan tujuan utamanya pada waktu itu untuk mengembalikan imej Kerajaan British yang terjejas akibat pendudukan Jepun. Jabatan antara lain telah dipertanggungjawabkan untuk memberi penerangan melalui komunikasi bersemuka, bahan-bahan yang dicetak dan penyiaran melalui radio demi memenangi hati rakyat dan mengawal keadaan.

Tujuh bulan kemudian apabila nama Jabatan ditukar kepada Jabatan Perhubungan Raya, peranan Jabatan adalah sebagai penghubung di antara Pemerintah British dengan rakyat tempatan. Peranan ini menjadi lebih penting kerana rakyat tempatan masih ramai yang buta huruf dan anggota pentadbiran British pada keseluruhannya kurang mahir dengan bahasa dan adat resam tempatan. Anggota-anggota Jabatan telah menjadi penterjemah dan penghubung di antara mereka.

Tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Penerangan untuk mengendalikan kempen-kempen penerangan telah bermula sejak tahun 1945 lagi. Di antaranya termasuklah kempen-kempen anti-komunis, geraksaraf/perangsaraf, keselamatan, pembangunan,

perpaduan, pilihanraya, anti dadah, integrasi nasional, aids dan aedes, cintai negara kita dan aktiviti-aktiviti yang menjurus ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

Semasa zaman darurat (1948), Kerajaan pada masa itu memerlukan sokongan dan kerjasama seluruh rakyat bagi membentasi pemberontakan. Jabatan ini ditugaskan membantu 'menawan hati dan jiwa rakyat' serta menentang penganas komunis.

Tanggungjawab Jabatan menjadi lebih bermakna dengan menjelangnya detik yang ditunggu-tunggu iaitu kemerdekaan negara. Anggota Jabatan telah bekerja keras membuat pengumuman dan ceramah di merata tempat dan rakyat telah diberi penerangan mengenai erti demokrasi dan pentingnya berkerajaan sendiri.

Pada hari kemerdekaan, unit-unit bergerak berada di kawasan perkumpulan di seluruh negara untuk menyediakan alat siaraya bagi pembacaan Perisytiharan Kemerdekaan. Melalui radio yang telah disediakan oleh Jabatan di setiap Pusat Penerangan, orang ramai dapat mengikuti siaran langsung dari Stadium Merdeka. Dengan ini rakyat di seluruh negara merasakan bahawa mereka turut merayakan hari bersejarah dan ini merupakan satu perkara yang amat bermakna di dalam memupuk semangat cintakan negara.

Dalam usaha untuk mengisi kemerdekaan pula tugas Jabatan yang utama ialah untuk mendapatkan sokongan rakyat agar turut serta menjayakan segala rancangan yang

dijalankan oleh Kerajaan. Di dalam konteks masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya, Jabatan telah membantu menjalankan pelbagai kempen untuk menanam semangat muhibah dan perpaduan di antara kaum.

Kini tanggungjawab dan peranan Jabatan telah diperluaskan lagi mengikut pertukaran masa dan keadaan. Sejak ditubuhkan 50 tahun yang lalu, Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia telah mencurahkan sepenuh tenaga dan usaha untuk merealisasikan program dan rancangan Kerajaan bagi membangunkan satu bangsa yang berhemah dan bermaruah tinggi serta mempunyai jatidiri yang unggul di mata dunia.

Iltizam tugas dan tanggungjawab yang dicurahkan sezaman dengan kelahirannya akan terus dipegang sebagai pandu arah yang berkesan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang ulung dan peka dengan maklumat. Peranan yang boleh dimainkan oleh maklumat berkesan bagi sebuah negara yang sedang membangun, khususnya dalam keadaan yang serba canggih di mana teknologi maklumat dijadikan agenda utama. Dunia kini terdedah luas kepada pelbagai maklumat melalui lebuhraya maklumat yang kini mudah diperolehi. Oleh yang demikian rakyat perlu dikebalkan daripada dipengaruhi oleh maklumat-maklumat negatif. Untuk dekad-dekad yang akan datang, tugas inilah yang perlu diutamakan untuk memastikan Bangsa Malaysia bijak memilih dan menggunakan maklumat yang diasaskan kepada "Penerangan Berkesan Penggerak Wawasan".

Di atas kesedaran inilah Sambutan 50 Tahun Penerangan memilih tema "50 Tahun Penuh Iltizam, Penerangan Berkesan Penggerak Wawasan" untuk merealisasikan aspirasi dan menjadikan

Malaysia sebuah negara maju. Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia telah ditubuhkan dengan objektif utamanya untuk membentuk Bangsa Malaysia yang bermaklumat dan berhemah tinggi bagi mencapai kestabilan politik, ekonomi dan sosial selaras dengan prinsip Rukunegara dan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Kegiatan-kegiatan seperti kempen penerangan dan seranta, sivik dan kemasyarakatan juga membantu mewujudkan masyarakat yang bermaklumat di Malaysia. Jabatan ini menggunakan pelbagai media seperti syarahan umum, majlis perbincangan, kegiatan-kegiatan sivik dan pertunjukan wayang gambar untuk membantu penduduk luar bandar memahami dan menerima peranan yang patut mereka mainkan bagi mencapai objektif integrasi, keselamatan dan pembangunan negara.

Jabatan telah dan akan terus mengeluarkan majalah-majalah, buku-buku kecil, folder dan bahan-bahan bacaan penting dan siri pengetahuan am yang menerangkan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan.

Dengan lain perkataan, Jabatan dalam melaksanakan tugasnya telah memadukan media massa dengan komunikasi bersemuka. Tugas ini berjaya dilaksanakan melalui penggunaan komputer, penayangan filem kemudiannya video dan menggunakan teknologi bergerak yang lain, diikuti dengan mengadakan sesi-sesi dialog, kenduri kampung dan saluran-saluran bersemuka yang lain untuk berhubung dengan penduduk di bandar dan juga luar bandar.

Dalam menghadapi era yang penuh dengan peralatan canggih pada masa

kini, Jabatan sedang dan akan terus berusaha memperlengkapkan anggotanya dengan pengetahuan 'hardware' dan 'software' yang dipanggil komputer. Melalui penggunaan komputer, peranan dan fungsi Jabatan akan dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan lagi.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah berjaya dianjurkan oleh Jabatan dalam usaha untuk merealisasikan Wawasan 2020 ialah Kempen Perang 2A (Aids dan Aedes), Setia Negara, Cintai Negara Kita, Budi dan Jasa, Banteras Inflasi, Berusaha Gigih Meningkatkan Produktiviti, Sekali Merdeka Terus Merdeka, Pidato Kenegaraan, Kuiz Kenegaraan, Kampungku, Kumpulan Penonton, Pendengar dan Pembaca (K3P) di samping pameran-pameran bersepadu yang diadakan seiringan dengan setiap aktiviti dan kempen di peringkat Jabatan, Kementerian Penerangan dan Kebangsaan sama ada di dalam dan luar negara.

Perkembangan pesat Jabatan dan bertambahnya peranan yang harus dimainkan amat ketara dari bilangan kakitangan yang bertugas iaitu dari seramai 285 orang pada tahun 1946, meningkat kepada 2,144 orang pada tahun 1995.

Jabatan telah melalui dan akan terus mengharungi apa jua rintangan dari satu era ke satu era bagi memastikan kejayaan setiap dasar dan rancangan Kerajaan. Dari zaman darurat ke zaman pencapaian kemerdekaan kemudian pengisian kemerdekaan dengan pelbagai dasar dan rancangan pembangunan dan kini pula melalui era untuk merealisasikan Wawasan 2020 dengan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020 kelak.

Aturcara Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1995

TARIKH	MASA	TEMPAT	ACARA
12.11.95	10.30 pg.	Ipoh, Perak	Perasmian Pameran 50 Tahun Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.
	3.00-6.00 ptg.		Peserta melapor diri di Hotel Excelsior.
	8.30 mlm.		Taklimat kepada para peserta dan pengurus pasukan.
13.11.95	8.15 pg.		Para peserta dibawa melawat Kompleks Sejarah Pasir Salak, Kota Ngah Ibrahim, Taiping dan Kuala Kangsar.
14.11.95	8.15 pg.	Maktab Perguruan Kinta, Ipoh.	Acara Perasmian Saringan oleh Y.B. Ahli Parlimen Tambun.
	10.00 pg.	Politeknik Ungku Omar dan Maktab Perguruan Kinta, Ipoh.	Kuiz Kenegaraan Peringkat Saringan dimulakan di dewan A,B dan C.
	8.00 mlm.	Hotel Casuarina	Jamuan Makan Malam oleh Y.A.B. Menteri Besar Perak.
15.11.95	8.45 pg.	Dewan Bandaran Ipoh.	Majlis Perasmian Pertandingan Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1995 oleh Y.A.B. Menteri Besar Perak.

NOTA:Pameran berlangsung selama 4 hari bermula dari
12-15 November 1995 mulai jam 10.00 pagi.

*Majlis Perasmian Pertandingan
Kuiz Kenegaraan
Peringkat Kebangsaan 1995*

- 8.45 pagi ❖ Ketibaan Dif-dif Jemputan.
- 9.00 pagi ❖ Ketibaan Y.A.B. Menteri Besar Perak.
- 9.05 pagi ❖ Ucapan Aluan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Penerangan Malaysia.
- 9.15 pagi ❖ Ucapan Perasmian oleh
Y.A.B. Menteri Besar Perak.
- 9.35 pagi ❖ Pertandingan Kuiz Kenegaraan
dimulakan.
- ❖ Persembahan Kebudayaan dan
Video Khas Jabatan Perkhidmatan
Penerangan Malaysia.
- ❖ Majlis Penyampaian Hadiah oleh
Y.A.B. Menteri Besar Perak.
- ❖ Jamuan Ringan.
- ❖ Y.A.B. Menteri Besar Perak
meninggalkan majlis.
- ❖ Majlis bersurai.

PERTANDINGAN KUIZ KENEGARAAN DALAM Negeri



Bekas Timbalan Menteri Penerangan, Y.B. Datuk Railey Haji Jeffrey telah hadir di majlis perasmian dan penyampaian hadiah Kviz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1994 yang diadakan di Kelantan.

Pasukan dari Negeri Johor telah berjaya memasuki peringkat akhir dan seterusnya menjuarai Kviz Kenegaraan 1994.



Para Juri yang bertugas mengadili perjalanan Kviz.



Pertandingan Kviz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1994.

INGATAN ARAAN 1994 INGATAN

Sebahagian daripada para penonton dan penyokong pasukan yang datang dari seluruh Malaysia untuk menyaksikan Pertandingan Kuiz Kenegaraan.



Persembahan Koir oleh Maktab Perguruan Kota Bharu telah menyerikan lagi majlis perasmian.



Peraduan mewarna di kalangan kanak-kanak adalah antara acara sampingan yang telah diadakan sempena Pertandingan Kuiz Kenegaraan 1994.

garaan peringkat saringan.

SELANGOR



1. Syed Hassan bin Syed Mohamad
2. Mohd. Jiferi bin Ismail
3. Zalita binti Osman
4. Mohd. Aroff bin Ahmad Meah

PAHANG



1. Mohamad Ridzuan bin Abd, Kaiyim
2. Md. Saiful bin Md. Zain
3. Ahmad Badri bin Hj. Sulaiman
4. Rugayah binti Wan Semail

KELANTAN



1. Shah Rizal bin Azroie
2. Aminuddin bin Awang
3. Che Nasir bin Che Mat
4. Nik Rohimi bin Nik Idris

TERENGGANU



1. Fadzil bin Mohd. Nor
2. Nor Azlin binti Abu Mansur
3. Rosli bin Abdul Rahman
4. Wan Abdul Rahman bin Wan Sulong

JOHOR



1. Mohd. Hatta bin Abdul Aziz
2. Mohd. Shah bin Mohamed
3. Yahya bin Mohamed Aris
4. Tuti binti Said

PERAK



1. Ishak bin Haji Ismail
2. Mohd. Anwar bin Idris
3. Ali bin Md. Zin
4. Azhar bin Mohd. Rodzi

NEGERI SEMBILAN

1. Rahimah binti Razak
2. Kartini binti Abd. Karim
3. Abd. Nasri bin Daud
4. Amilah binti Omar

MELAKA



1. Zulkiflee bin Mohd. Said
2. Rahmat bin Ali
3. Shukor bin Kasim
4. Mohd. Zaidee bin Daut

SARAWAK

1. Wan Kassim bin Tuanku Ali
2. Mohd. Noor Ajiba bin Abdul Ghani
3. Harun bin Kadri
4. Goh Joo Chang

SABAH



1. Mohd. Fadzlee bin Abdullah @ Chun Lee
2. Nik Roslan bin Ismail
3. Abdullah bin Mohd. Salleh
4. Abd. Mohmin bin Kadri

PULAU PINANG



1. Haji Tajuddin bin Dashah
2. Chong Nee Chung
3. Siti Rohani binti Ahmad
4. Azimah binti Osman

W. P. KUALA LUMPUR

1. Sohaimi bin Shahadan
2. Rabiatuladawiah binti Arshad
3. Nariah binti Osman
4. Ahmad Asri bin Khalbi



W.P. LABUAN

1. Mansor bin Busu
2. Aidy bin Garai
3. Jinam bin Amit
4. Saharani bin Kassim



Senarai Johan Pertandingan Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1992-1994

Pasukan Negeri Selangor (1992)

Pasukan Negeri Sabah (1993)

Pasukan Negeri Johor (1994)

Jawatankuasa Induk

PENASIHAT

Encik Mohamad Salleh bin Rafie
Timbalan Ketua Pengarah

PENGERUSI

Encik Yu Am Ping
Bahagian Perkhidmatan Luar, Sivik dan Masyarakat

SETIAUSAHA

Encik Zaharin bin Zainudin
Bahagian Perkhidmatan Luar, Sivik dan Masyarakat

PENOLONG SETIAUSAHA

Encik Yahaya bin Ramli
Bahagian Perkhidmatan Luar, Sivik dan Masyarakat

AHLI-AHLI

Encik Yaacob bin Mohammed
Bahagian Penerbitan.

Encik Pan Lai Chang
Bahagian Akhbar dan Perhubungan.

Encik Ahmad bin Hassan
Bahagian Pengeluaran Visual.

Encik Jemat bin Lihj
Bahagian Geraksaraf.

Encik Nicholas Panjangou
Bahagian Perkhidmatan Am dan Logistik.

Tuan Haji Johal bin Abd. Ghani
Bahagian Hal Ehwal Khas.

Puan Mahani binti Mohd. Yusoff
Bahagian Perkhidmatan Luar, Sivik dan Masyarakat.

Puan Zurinah binti Hassan
Bahagian Perkhidmatan Luar, Sivik dan Masyarakat.

Encik Awang bin Yusoff
Pengarah Perkhidmatan Penerangan Negeri Terengganu.

Encik Nik Mohd. Kamal bin W. Mustapha
Pengarah Perkhidmatan Penerangan Negeri Perak.

Encik Kahar bin Haron
Ketua Unit Perhubungan Awam.

Jawatankuasa Kerja

PENGERUSI

Encik Nik Mohd. Kamal bin W. Mustapha
Pengarah Perkhidmatan Penerangan Negeri Perak.

SETIAUSAHA

Puan Siti Rohani binti Hj. Hussain

BENDAHARI

Puan Nor Aini binti Mohd. Kasim

AHLI-AHLI

Encik Lee Peng Chen
Puan Rokiah binti Anan
Encik S. Arumugam
Encik Abdol Aziz bin Mohamad
Encik Noor Azmi bin Bahari
Encik Ramli bin Mat Piah
Encik Pang Hon Seng
Encik Mohd. Isa bin Hamzah
Puan Hj. Wan Sariah binti Hj. Meor Ahmad Ismail
Encik Lee Ee Seng
Encik Zainal Azmi bin Mohd. Yusof
Encik Safian bin Ismail
Encik Lau Peng Guan
Encik Ahmad bin Pakeh Adam
Encik Kamaruddin bin Hj. Ismail
Encik Syed Zubin bin Syed Idris

Penghargaan

Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Induk Pertandingan Pidato Peringkat Kebangsaan 1995 merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan

kepada

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Ramli bin Ngah Talib
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

dan

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan
Dewan Bandaran Ipoh
Politeknik Ungku Omar
Maktab Perguruan Kinta
Universiti Sains Malaysia, Tronoh
Polis Diraja Malaysia, Ipoh
Pejabat Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Perak Darul Ridzuan
Jabatan Penyiaran Perak
Institut Latihan Perindustrian, Jelapang
Pusat Latihan Askar Wataniah, Ipoh
Tentera Udara Diraja Malaysia, Ipoh
U.M.N.O., M.C.A., M.I.C. dan GERAKAN
Persatuan Kilang-kilang Negeri Perak, Ipoh
Tenaga Nasional Berhad, Ipoh
Pengurusan Kompleks Sejarah Pasir Salak
Pejabat Perpaduan, Ipoh.
Muzium Negeri Perak Darul Ridzuan

serta

semua pihak yang terlibat dalam memberi sumbangan, kerjasama dan sokongan bagi menjayakan Pertandingan Kuiz Kenegaraan Peringkat Kebangsaan 1995 ini.